



● DATUK Seri Dr Mahathir menerima skrol ahli kehormat Akademi Perubatan Malaysia dari Yang Dipertua Kongres Perubatan Malaysia-Singapura, Dr Chow Khuen Wai.

PM gesa semua profesional perubatan bersatu tenaga

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, konsep Persyarikatan Malaysia boleh dilaksanakan dalam bidang latihan Jepasan Ijazah bagi memenuhi keperluan doktor-doktor berkelakuan di institusi-institusi pengajian tinggi dan hospital negara ini.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri menggesa semua profesional perubatan, sama ada di universiti, hospital kerajaan, atau sektor swasta, bersatu tenaga mewujudkan asas yang teguh bagi pembangunan latihan perubatan lepasan Ijazah di negara ini.

Berucap merasmikan Kongres Perubatan Malaysia-Singapura ke-17 di sini, petang ini, beliau berkata, Malaysia memerlukan lebih ramai doktor yang berkelakuan untuk bertugas di institusi-institusi pengajian tinggi dan hospital-hospital besar.

Di samping itu, pakar-pakar perubatan yang berkebolehan dikehendaki mengendalikan keadaan di hospital-hospital daerah yang kurang lengkap dan tidak mempunyai tenaga pakar.

sedih

Tetapi, menurutnya, menghantar doktor-doktor mendapatkan latihan di luar negeri kesan negatif, termasuk bebanan latihan yang tinggi dan kerugian masa perkhidmatan ketika berlatih.

"Setengah doktor pula, sedih untuk dinyatakan, tidak hirau hendak kembali setelah menamatkan latihan mereka," tambahnya.

Oleh itu, satu program latihan lepas Ijazah perlu diwujudkan sesuai mengikut keperluan negara, tegasnya.

"Kita perlu melatih ramai pakar kita dan saya percaya kita mempunyai kepakaran yang diperlukan," tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, rakyat kini mengharapkan pengawasan perubatan yang lebih mahir, menyebabkan wujudnya permintaan bagi pengawasan perubatan pakar swasta.

Disebabkan itu, lebih ramai tenaga kepakaran institusi-institusi awam berhijrah ke sektor swasta.

"Ini telah menyebabkan wujudnya keadaan institusi-institusi mempunyai kemudahan yang terbaik dan peralatan so-

fistikated di negara ini manakala sebilangan besar pakar kanan dan berpengalaman bertugas dengan sektor swasta," ujarnya.

Bagi mengatasi masalah itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan mungkin menswastakan sebahagian daripada perkhidmatan perubatan supaya pakar-pakar swasta dapat memberikan khidmat mereka kepada pesakit-pesakit di hospital dan dalam masa yang sama memberikan pengalaman dan kemahiran mereka kepada doktor-doktor yang lebih muda.

Kerajaan sedang memikirkan kemungkinan menawarkan pakar-pakarnya hak terhad untuk

berkhidmat secara per-sendirian.

"Kerajaan akan mengkaji implikasinya dan menentukan sama ada satu cara yang memuaskan dapat dilaksanakan," tambahnya.

Dalam majlis itu, Datuk Seri Dr Mahathir dilantik menjadi ahli kehormat kongres itu dan dikurniakan jubah serta skrol keahlian oleh Yang Dipertuannya, Dr Chow Khuen Wai.

Sementara itu, Tan Sri Dr Tan Chee Koon, ketika menyampaikan Perbahasan Tun Dr Ismail kelima, menggesa kerajaan supaya mewujudkan satu Suruhanjaya Diraja Kesihatan untuk mengkaji masalah kesihatan di negara ini.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia